

outLOUD lancar laman web

PENERAJU pembangunan penjenamaan, outLOUD Studios Sdn Bhd (outLOUD) melancarkan laman web terbaru bermatlamat mendekatkan lagi syarikat dengan pelbagai industri selari aktiviti terasnya.

Laman web terbaru itu sejajar kehendak syarikat yang mahu menampilkan ciri-ciri membantu membina keyakinan komuniti menerusi pembangunan kemahiran, hiburan, acara dan jenama.

Ia juga dibina bagi mewujudkan kehadiran firma dalam talian yang menunjukkan syarikat itu sebenarnya dekat dengan masyarakat setempat.

Ketua outLOUD Studios,

Ernie Chen, berkata laman web itu aset bernilai bagi mereka aktif mencari portal lengkap mengenai komuniti, keyakinan dan jenama pengguna yang cemerlang.

"Ia ringkas dan memudahkan orang ramai mengetahui apa yang kami lakukan.

"Kami mengharapkan laman web itu dapat menarik minat mereka yang inginkan pembangunan keyakinan, mempertajamkan bahasa, bakat dan pengurusan acara," katanya.

Untuk maklumat lanjut layari laman web www.outloud.com.my atau hubungi Aneesa Alphonsus di 03-77288575.